

Penuntut universiti tabur bakti menerusi NBOS-PILS

JOHOR BAHRU 27 Jan. - Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan - Program Inisiatif Libat Sama (NBOS-PILS) memberi pendedahan kerja-kerja lapangan serta khidmat kemasyarakatan kepada penuntut universiti awam untuk mencurahkan bakti semasa cuti semester mereka.

Ketua Sekretariatnya, Ar. Nurakmal A. Goh berkata, program tersebut bertujuan mengumpulkan pensyarah-pensyarah serta penuntut institut pengajian tinggi (IPT) tempatan untuk melakukan khidmat masyarakat di sekolah-sekolah seluruh negara.

Menurutnya, antara tujuan utama program tersebut adalah memberi penekanan kepada usaha kitar semula perabot dan peralatan sekolah sebagai langkah menjimatkan kos penyelenggaraan dan pembelian peralatan baharu.

"Menerusi program ini, seramai 40 orang terdiri daripada pensyarah dan penuntut IPT akan bergo-



Memberi penekanan kepada usaha kitar semula perabot dan peralatan sekolah sebagai langkah menjimatkan kos penyelenggaraan dan pembelian peralatan baharu."

AR. NURAKMAL A. GOH
Ketua Sekretariat NBOS-PILS

tong royong melakukan kerja-kerja penambahbaikan di kawasan sekolah.

"Secara tidak langsung, ini memberi pengalaman kepada penuntut melakukan tugas di lapangan, berinteraksi bersama komuniti setempat selain memberi

khidmat masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar sempena Program Rintis Kerja Lapangan Cuti Semester Universiti NBOS-PILS di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Universiti 2, Skudai di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Pengarah Pendidikan negeri, Hasidin Zaini dan Pengetua SMK Taman Universiti 2, Rusaini Ahmad.

IPT yang terbabit dengan NBOS-PILS antaranya Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Teknikal Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Teknologi Mara.

Sementara itu, Hasidin memberitahu, pihaknya menyambut baik inisiatif tersebut sekali gus seiring dengan Anjakan ke-9 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu menjalin kerjasama dengan ibu bapa, komuniti serta swasta.